

Ruj. Kami : UMP.100-9/2/2 ( 1 )  
Tarikh : 03 Oktober 2023

## KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

### PENGESAHAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah disahkan bahawa Universiti Malaysia Pahang (UMP) kini dikenali sebagai Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) berkuat kuasa pada 14 April 2023 merupakan suatu institusi pengajian tinggi yang mempunyai taraf Universiti sebagai suatu pertubuhan perbadanan selaras dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 – Perintah Universiti Malaysia Pahang (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“Teknologi Untuk Masyarakat”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(HELMI BIN MOHAMED ISA)**

Pengurus  
Bahagian Pengurusan Governan  
Jabatan Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah



MALAYSIA

**Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 51  
No. 3

**1hb Februari 2007**

*TAMBAHAN No. 12  
PERUNDANGAN (A)*

---

**P.U. (A) 35.**

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAH UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (PEMERBADANAN) 2007

**P.U. (A) 35.**

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

**PERINTAH UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (PEMERBADANAN) 2007**

BAHAWASANYA subseksyen 6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] memperuntukkan bahawa jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa adalah suai manfaat demi kepentingan negara supaya suatu Universiti ditubuhkan, dia boleh dengan perintah menubuhkan Universiti itu mengikut subseksyen tersebut :

DAN BAHAWASANYA Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa suatu Universiti patut ditubuhkan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN menurut kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 6(1) Akta, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Universiti Malaysia Pahang (Pemerbadanan) 2007**.

(2) Perintah ini mula berkuatkuasa pada 1 Februari 2007.

**Pemerbadanan**

2. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu institusi pengajian tinggi yang mempunyai taraf Universiti, sebagai suatu pertubuhan perbadanan, bagi maksud mengadakan, memajukan dan mengembangkan pengajian tinggi dalam bidang sains dan teknologi dan bidang pengajian lain yang perlu, serta juga mengadakan penyelidikan dan pengumpulan dan pemajuan pengetahuan, dan penyebaran pengetahuan dalam bidang pengajian itu.

(2) Institusi pengajian tinggi dalam subseksyen (1) hendaklah dikenali dengan nama dan gelaran “Universiti Malaysia Pahang”.

(3) Tapak Universiti Malaysia Pahang, tempat terletaknya Universiti itu, ialah di Lot 74378, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Dibuat 29 Januari 2007

[KPT (PUU) S.021/013/021/001; PN (PU<sup>2</sup>)75/Q]

Dengan Titah Perintah,

**DATO' SRI MOHD EFFENDI BIN NORWAWI**  
*Menteri Pengajian Tinggi*

*[Akan dibentangkan dalam kedua-dua Majlis Parlimen menurut subseksyen 6(2) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971]*

**P.U. (A) 35.**

**UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971**

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (INCORPORATED) ORDER 2007**

WHEREAS subsection 6(1) of the Universities and University College Act 1971 [*Act 30*] provides that if the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that it is expedient in the national interest that a University should be established, he may by order establish the University in accordance with that subsection :

AND WHEREAS Yang di-Pertuan Agong is satisfied that a University should be established:

NOW THEREFORE by virtue of the powers conferred upon him by subsection 6(1) of the Act, the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This Order may be cited as the **Universiti Malaysia Pahang (Incorporation) Order 2007**.

(2) This Order comes into operation on 1 February 2007.

**Incorporation**

2. (1) There shall be established a higher educational institution having the status of a University, which shall be a body corporate, for the purpose of providing, promoting and developing higher education in the fields of science and technology and other necessary fields of study, as well as to provide for research and accumulation and advancement of knowledge, and dissemination of knowledge in those fields of study.

(2) The higher educational institution in subsection (1) shall be known by the name and style of “Universiti Malaysia Pahang”.

(3) The site of the Universiti Malaysia Pahang, which shall be the seat of the University, is located at Lot 74378, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Made 29 January 2007  
[KPT (PUU) S.021/013/021/001; PN (PU<sup>2</sup>)75/Q]

By Command,

**DATO' SRI MOHD EFFENDI BIN NORWAWI**  
*Minister of Higher Education*

[*To be laid before both Houses of Parliament pursuant to subsection 6(2) of the Universities and University Colleges Act 1971*]



12 April 2023  
12 April 2023  
P.U. (A) 116

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (PEMERBADANAN) (PINDAAN) 2023

*UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (INCORPORATION)  
(AMENDMENT) ORDER 2023*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAH UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (PEMERBADANAN) (PINDAAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 6(1A) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Universiti Malaysia Pahang (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023.**
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 14 April 2023.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, “Universiti” ertiannya Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

**Pindaan perenggan 1**

3. Perintah Universiti Malaysia Pahang (Pemerbadanan) 2007 [P.U. (A) 35/2007], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam subperenggan 1(1) dengan memasukkan selepas perkataan “Universiti Malaysia Pahang” perkataan “Al-Sultan Abdullah”.

**Pindaan perenggan 2**

4. Perenggan 2 Perintah ibu dipinda—
  - (a) dalam subperenggan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “Universiti Malaysia Pahang” perkataan “Al-Sultan Abdullah”; dan
  - (b) dengan memotong subperenggan (3).

**Perenggan baharu 3**

5. Perintah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 2 perenggan yang berikut:

**“Tapak Universiti**

3. Tapak Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, tempat letaknya Universiti itu ialah di—

- (a) PT 2037, Mukim Kuala Pahang, Daerah Pekan,  
Negeri Pahang Darul Makmur;
- (b) PT 3637, Mukim Kuala Pahang, Daerah Pekan,  
Negeri Pahang Darul Makmur;
- (c) Lot 5961, Mukim Kuala Pahang, Daerah Pekan,  
Negeri Pahang Darul Makmur;
- (d) Lot 5962, Mukim Kuala Pahang, Daerah Pekan,  
Negeri Pahang Darul Makmur;
- (e) Lot 756, Mukim Kuala Pahang, Daerah Pekan,  
Negeri Pahang Darul Makmur;
- (f) Lot 74372, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan,  
Negeri Pahang Darul Makmur;
- (g) Lot 74374, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan,  
Negeri Pahang Darul Makmur;
- (h) Lot 74377, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan,  
Negeri Pahang Darul Makmur;

- (i) Lot 74378, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, Negeri Pahang Darul Makmur;
- (j) PT 104395, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, Negeri Pahang Darul Makmur; dan
- (k) Lot 126914, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, Negeri Pahang Darul Makmur.”.

**Segala sebutan mengenai Universiti Malaysia Pahang hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Universiti**

6. Segala sebutan mengenai Universiti Malaysia Pahang dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dalam apa-apa surat cara, surat ikatan, hak milik, dokumen, bon, perjanjian dan perkiraan pengusahaan yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah, pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Universiti.

**Pemindahan kuasa, hak, dsb.**

7. Segala kuasa, hak, kewajipan, liabiliti dan tanggungan yang sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini adalah kuasa, hak, kewajipan, liabiliti dan tanggungan Universiti Malaysia Pahang hendaklah, pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, diturunkan kepada Universiti.

**Peletakhakan tanah, harta dan aset pada Universiti**

8. Segala tanah, harta dan aset yang sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini terletak hak pada atau dirizabkan bagi Universiti Malaysia Pahang atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya hendaklah, pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, terletak hak pada atau dirizabkan bagi Universiti atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya tanpa apa-apa pemindahan, pemindahhakan atau penyerahhakan.

### **Penerusan tindakan dan prosiding**

9. (1) Apa-apa tindakan atau prosiding yang dimulakan atau belum selesai sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini oleh atau terhadap Universiti Malaysia Pahang atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Universiti Malaysia Pahang hendaklah, pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, diteruskan oleh atau terhadap Universiti sebagaimana ia sepatutnya dimulakan oleh atau terhadap Universiti Malaysia Pahang atau orang itu.

(2) Apa-apa tindakan yang dimulakan pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini yang baginya kausa tindakan terakru sebelum tarikh kuat kuasa Perintah ini hendaklah, pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, diteruskan seolah-olah Perintah ini tidak dibuat.

### **Penerusan undang-undang**

10. Semua perundangan subsidiari yang dibuat berhubung dengan Universiti Malaysia Pahang yang berkuat kuasa sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah, pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, terus berkuat kuasa dan disifatkan telah dibuat berhubung dengan Universiti sehingga dipinda, diubah atau dibatalkan.

### **Notis, arahan, keputusan, dsb. yang sedia ada**

11. Apa-apa notis, arahan, keputusan, surat pekeliling, dasar, dan peraturan-peraturan pentadbiran dan kewangan yang telah dikeluarkan, diberikan atau dibuat oleh Universiti Malaysia Pahang sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini di bawah mana-mana undang-undang bertulis hendaklah, pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, disifatkan telah dikeluarkan, diberikan atau dibuat oleh Universiti.

### **Penerusan perkhidmatan**

12. Semua orang yang telah dilantik atau diambil kerja oleh Universiti Malaysia Pahang sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah, pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, disifatkan telah dilantik atau diambil kerja oleh Universiti.

### **Pelajar Universiti**

13. Semua pelajar yang telah diterima masuk untuk mengikuti kursus pengajian di Universiti Malaysia Pahang sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah, pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, disifatkan telah diterima masuk di Universiti.

### **Penerusan Kesatuan Pelajar-Pelajar Universiti**

14. (1) Kesatuan Pelajar-Pelajar Universiti yang ditubuhkan di bawah Universiti Malaysia Pahang sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah, pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini disifatkan telah ditubuhkan di bawah Universiti.

(2) Pelajar-pelajar yang menjadi ahli Kesatuan Pelajar-Pelajar Universiti di bawah Universiti Malaysia Pahang hendaklah, pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, setakat yang mereka layak menjadi pelajar berdaftar di bawah subseksyen 57(14) Perlumbagaan, kekal menjadi ahli Kesatuan Pelajar-Pelajar Universiti di bawah Universiti.

(3) Ahli yang dipilih untuk memegang jawatan dalam Kesatuan Pelajar-Pelajar Universiti di bawah Universiti Malaysia Pahang hendaklah, pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, disifatkan telah dipilih memegang jawatan dalam Kesatuan Pelajar-Pelajar Universiti di bawah Universiti.

Dibuat 23 Mac 2023  
[KPT.PUU(S).100-1/21/4 (6); PN(PU2)75Q/IV]

Dengan Titah Perintah,

DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN  
*Menteri Pengajian Tinggi*

[Akan dibentangkan dalam kedua-dua Majlis Parlimen menurut subseksyen 6(2) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971]

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (INCORPORATION)  
(AMENDMENT) ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by subsection 6(1A) of the Universities and University Colleges Act 1971 [Act 30], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Universiti Malaysia Pahang (Incorporation) (Amendment) Order 2023**.

(2) This Order comes into operation on 14 April 2023.

**Interpretation**

2. In this Order, “University” means Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

**Amendment of paragraph 1**

3. The Universiti Malaysia Pahang (Incorporation) Order 2007 [P.U. (A) 35/2007], which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended in subparagraph 1(1) by inserting after the words “Universiti Malaysia Pahang” the words “Al-Sultan Abdullah”.

**Amendment of paragraph 2**

4. Paragraph 2 of the principal Order is amended—

(a) in subparagraph (2), by inserting after the words “Universiti Malaysia Pahang” the words “Al-Sultan Abdullah”; and

(b) by deleting subparagraph (3).

**New paragraph 3**

5. The principal Order is amended by inserting after paragraph 2 the following paragraph:

**“Sites of University”**

3. The sites of Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, which shall be the seat of the University, are located at—

- (a) PT 2037, Mukim of Kuala Pahang, District of Pekan, State of Pahang Darul Makmur;
- (b) PT 3637, Mukim of Kuala Pahang, District of Pekan, State of Pahang Darul Makmur;
- (c) Lot 5961, Mukim of Kuala Pahang, District of Pekan, State of Pahang Darul Makmur;
- (d) Lot 5962, Mukim of Kuala Pahang, District of Pekan, State of Pahang Darul Makmur;
- (e) Lot 756, Mukim of Kuala Pahang, District of Pekan, State of Pahang Darul Makmur;
- (f) Lot 74372, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, State of Pahang Darul Makmur;
- (g) Lot 74374, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, State of Pahang Darul Makmur;
- (h) Lot 74377, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, State of Pahang Darul Makmur;

- (i) Lot 74378, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, State of Pahang Darul Makmur;
- (j) PT 104395, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, State of Pahang Darul Makmur; and
- (k) Lot 126914, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, State of Pahang Darul Makmur.”.

**All references to Universiti Malaysia Pahang to be construed as references to University**

6. All references to the Universiti Malaysia Pahang in any written law or in any instrument, deed, title, document, bond, agreement and working arrangement made before the date of coming into operation of this Order shall, on and after the date of coming into operation of this Order, be construed as references to the University.

**Transfer of powers, rights, etc.**

7. All powers, rights, duties, liabilities and obligations which before the date of coming into operation of this Order were the powers, rights, duties, liabilities and obligations of the Universiti Malaysia Pahang shall, on and after the date of coming into operation of this Order, be devolved upon the University.

**Vesting of lands, properties and assets in University**

8. All lands, properties and assets which before the date of coming into operation of this Order were vested in or reserved for the Universiti Malaysia Pahang or any person acting on its behalf shall, on and after the date of coming into operation of this Order, vest in or be reserved for the University or any person acting on its behalf without any transfer, conveyance or assignment.

**Continuance of action and proceedings**

9. (1) Any action or proceedings commenced or pending before the date of coming into operation of this Order by or against the Universiti Malaysia Pahang or any person acting on behalf of the Universiti Malaysia Pahang shall, on and after the date of

coming into operation of this Order, be continued by or against the University as it might have been commenced by or against the Universiti Malaysia Pahang or such person.

(2) Any action commenced on or after the date of coming into operation of this Order which the cause of action accrued before the date of coming into operation of this Order shall, on and after the date of coming into operation of this Order, be continued as if this Order has not been made.

#### **Continuance of laws**

10. All subsidiary legislation made in relation to the Universiti Malaysia Pahang in force before the date of coming into operation of this Order shall, on and after the date of coming into operation of this Order, continue be in force and deemed to be made in relation to the University until amended, varied or revoked.

#### **Existing notice, instruction, decision, etc.**

11. Any notice, instruction, decision, circulars, policy, and administrative and financial regulations issued, given or made by the Universiti Malaysia Pahang before the date of coming into operation of this Order under any written laws shall, on and after the date of coming into operation of this Order, be deemed to have been issued, given or made by the University.

#### **Continuance of service**

12. All persons who were appointed or employed by the Universiti Malaysia Pahang before the date of coming into operation of this Order shall, on and after the date of coming into operation of this Order, be deemed to be appointed or employed by the University.

#### **Students of the University**

13. All students who were admitted to pursue courses of study in the Universiti Malaysia Pahang before the date of coming into operation of this Order shall, on and after date of coming into operation of this Order, be deemed to have been admitted in the University.

**Continuance of the Students' Union of the University**

14. (1) The Students' Union of the University which is established under the Universiti Malaysia Pahang before the date of coming into operation of this Order shall, on and after the date of coming into operation of this Order, be deemed to be established under the University.

(2) The students who are members of the Students' Union of the University under the Universiti Malaysia Pahang shall, on and after the date of coming into operation of this Order, in so far as eligible to be registered student under subsection 57(14) of the Constitution, remains as a member of the Students' Union of the University under the University.

(3) The members elected to hold office in the Students' Union of the University under the Universiti Malaysia Pahang shall, on and after the date of coming into operation of this Order, be deemed elected to hold office in the Students' Union of the University under the University.

Made 23 March 2023  
[KPT.PUU(S).100-1/21/4 (6); PN(PU2)75Q/IV]

By Command,

DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN  
*Minister of Higher Education*

*[To be laid before both Houses of Parliament pursuant to subsection 6(2) of the Universities and University Colleges Act 1971]*